

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26 March 2016

Perhimpunan jatuhkan Najib hanya untuk kepentingan Dr. Mahathir

KOTA BHARU 25 Mac - Perhimpunan haram bagi menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dirancang oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama pembangkang pada Ahad ini adalah demi kepentingan kumpulan terabit, bukannya rakyat.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Al-Ehsan Islamiah Kelantan, Zakaria Salleh berkata, perhimpunan yang dirancang itu tidak memberi sebarang manfaat kepada rakyat, sebaliknya ingin memenuhi agenda peribadi individu terlibat.

"Matlamat Dr. Mahathir ialah mahu Najib berundur manakala pemimpin-pemimpin pembangkang ingin melihat UMNO jatuh.

Kami mahu pihak berkuasa menghalang perhimpunan seperti ini," katanya selepas membuat laporan membantah perhimpunan haram tersebut di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Bharu, di sini hari ini.

Selain Pertubuhan Kebajikan Al-Ehsan Islamiah Kelantan, dua lagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Pertubuhan Kebajikan Prihatin Masyarakat Kelantan (Peribumi) dan Persatuan Peniaga Kawasan Kota turut membuat laporan sama.

Sementara itu, wakil Peribumi, Sabri Mohd. Salleh berkata, perhimpunan haram itu tidak sepatutnya diadakan kerana bakal menimbulkan lebih banyak masalah daripada kebaikan.

"Perhimpunan 27 Mac ini boleh

um - 26/3/2016
mendatangkan pelbagai masalah serta memudaratkan negara. Oleh itu, kita mahu pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat. Pihak berkuasa serta kerajaan berhiak untuk menghalang perhimpunan haram," katanya.

Setiasaha Peniaga Kawasan Kota, Mat Razali Deraman pula berkata, pihak berwajib harus menghalang perhimpunan haram itu diadakan demi kepentingan rakyat dan negara.

"Perhimpunan ini tidak sewajarnya diadakan kerana ia boleh mencetus masalah perkauman sekiranya berlarutan. Dr. Mahathir tidak seharusnya bertindak sedemikian kerana zamannya sudah berlalu," katanya.



Matlamat Dr. Mahathir ialah mahu Najib berundur manakala pemimpin-pemimpin pembangkang ingin melihat UMNO jatuh. Kami mahu pihak berkuasa menghalang perhimpunan seperti ini."

ZAKARIA SALLEH
Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Al-Ehsan Islamiah Kelantan